

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI



BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor, juga membuat analisis terhadap kedudukan kewangan Kerajaan negeri. Analisis Audit merangkumi perkara mengenai trend dan kedudukan kewangan, wang tunai, pelaburan, hasil, perbelanjaan mengurus, amanah, pinjaman dan hutang Kerajaan negeri.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Analisis yang dijalankan bertujuan untuk menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri Johor secara menyeluruh pada akhir tahun 2021, di samping membantu Kerajaan negeri memperkuuh prestasi kewangannya pada tahun akan datang.

Apa yang ditemui Audit?

- Analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan negeri adalah stabil. Baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2021 adalah berjumlah RM2.245 bilion iaitu menurun sebanyak RM434.45 juta (16.2%) berbanding RM2.679 bilion pada akhir tahun 2020.
- Pelaburan Kerajaan negeri dalam simpanan tetap menurun berjumlah RM170 juta (10.1%) daripada RM1.684 bilion pada 2020 kepada RM1.514 bilion pada tahun 2021.
- Akaun Hasil Disatukan menunjukkan kurangan semasa berjumlah RM190.03 juta. Kutipan hasil menurun sebanyak RM246.15 juta (14.7%) menjadi RM1.428 bilion berbanding RM1.674 bilion pada tahun 2020.
- Prestasi perbelanjaan mengurus pada tahun 2021 berjumlah RM1.618 bilion iaitu 85.5% daripada peruntukan yang telah diluluskan berjumlah RM1.892 bilion. Perbelanjaan mengurus berjumlah RM1.618 bilion menurun sebanyak RM45.47 juta (2.7%) berbanding RM1.664 bilion pada tahun 2020.

- Prestasi perbelanjaan dan pelaksanaan projek pembangunan Kerajaan Negeri atau Rancangan Johor 5 Tahun (RJ5T) di bawah RMKe-12 pada tahun 2021 adalah baik iaitu sejumlah RM799.37 juta (94%) telah dibelanjakan berbanding RM850 juta peruntukan yang diluluskan. Pada tahun 2021, daripada 4,136 jumlah projek yang dirancang, sebanyak 3,723 projek (90%) telah disiapkan sepenuhnya, 142 projek (3.4%) sedang dilaksanakan, 132 projek (3.2%) dibatalkan dan 139 projek (3.4%) masih belum dimulakan.
- Baki Pinjaman Boleh Dituntut menurun sebanyak RM52.95 juta (17.7%) daripada RM299.37 juta pada tahun 2020 kepada RM246.42 juta pada tahun 2021.
- Hutang Awam menurun sebanyak RM5.65 juta (2.6%) menjadi RM211.56 juta berbanding RM217.21 juta pada tahun 2020.

Apa Yang Disyorkan Audit

- Kerajaan negeri perlu meningkatkan usaha untuk mengukuhkan lagi prestasi kewangan di samping mencari sumber kewangan baharu atau mengurangkan tunggakan hasil untuk menampung jumlah keseluruhan perbelanjaan. Sehubungan itu, Kerajaan negeri disyorkan untuk mempertimbangkan perkara seperti berikut:
 - memastikan piawaian perakaunan dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa dipatuhi supaya pengurusan kewangan Kerajaan negeri dan agensi negeri ditadbir dengan cekap, amanah dan telus;
 - memastikan perbelanjaan mengikut peruntukan yang diluluskan dan peraturan kewangan semasa bagi mengurangkan pembayaran di bawah AP 58 (a);
 - projek pembangunan hendaklah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi meningkatkan kemakmuran negeri dan kesejahteraan rakyat; dan
 - memastikan tindakan proaktif diambil terhadap pemilik-pemilik yang mempunyai tunggakan hasil untuk mengurangkan jumlah tunggakan.

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

FAKTA UTAMA

PRESTASI KEWANGAN	KUMPULAN WANG DISATUKAN	AKAUN MEMORANDUM
↓ HASIL 2021 - RM1.428 bilion 2020 - RM1.674 bilion	↓ AKAUN HASIL DISATUKAN 2021 - RM1.014 bilion 2020 - RM1.204 bilion	↓ PINJAMAN BOLEH DITUNTUT 2021 - RM246.42 juta 2020 - RM299.37 juta
↑ BELANJA 2021 - RM1.778 bilion 2020 - RM1.634 bilion	AKAUN PINJAMAN DISATUKAN 2021 - RM0 2020 - RM0	PELABURAN 2021 - RM22 juta 2020 - RM22 juta
	↓ AKAUN AMANAH DISATUKAN 2021 - RM1.231 bilion 2020 - RM1.475 bilion	↓ HUTANG AWAM 2021 - RM211.56 juta 2020 - RM217.21 juta

1. LATAR BELAKANG

Jabatan Audit Negara selain daripada mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor Tahun 2021 juga membuat analisis terhadap data kewangan bagi menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan negeri. Hasil analisis yang dijalankan adalah berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Akaun Memorandum serta Nota Kepada Penyata Kewangan.

2. KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata kewangan Kerajaan negeri menunjukkan pegangan Wang Awam di bawah Kumpulan Wang Disatukan. Wang Awam terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

3. PENYATA PRESTASI KEWANGAN

3.1. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebihan atau kurangan keseluruhan hasil berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana bagi Pinjaman Dalam Negeri, Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah.

3.2. Pada tahun 2021, sumber dana Kerajaan negeri berjumlah RM1.428 bilion terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Penggunaan dana adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus dan pembangunan. Pada tahun 2021, Kerajaan negeri telah mencatatkan defisit berjumlah RM349.40 juta berbanding lebihan pada tahun 2020 berjumlah RM39.83 juta. Kedudukan Penyata Prestasi Kewangan pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
KEDUDUKAN PENYATA PRESTASI KEWANGAN PADA AKHIR
TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
HASIL:				
Hasil Cukai	550.36	685.46	(135.10)	(19.7)
Hasil Bukan Cukai	681.31	762.50	(81.19)	(10.6)
Terimaan Bukan Hasil	196.47	226.33	(29.86)	(13.2)
JUMLAH HASIL	1,428.14	1,674.29	(246.15)	(14.7)
PERBELANJAAN:				
Perbelanjaan Mengurus (sebelum pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan)	978.18	968.64	9.54	1.0
Perbelanjaan Pembangunan	799.37	665.82	133.55	20.1
JUMLAH PERBELANJAAN	1,777.55	1,634.46	143.09	8.8
LEBIHAN/(KURANGAN)	(349.40)	39.83	(389.23)	(977.2)
(Kurangan)/Lebihan Dibiayai Oleh:				
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	24.29	29.38	(5.09)	(17.3)
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah	325.11	(69.21)	394.32	569.7
JUMLAH	349.40	(39.83)	389.23	977.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

3.3. Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan Kerajaan negeri adalah stabil. Terdapat penurunan hasil yang ketara berjumlah RM246.15 juta (14.7%), iaitu daripada RM1.674 bilion pada tahun 2020 kepada RM1.428 bilion pada tahun 2021. Perbelanjaan pula menunjukkan peningkatan berjumlah RM143.09 juta (8.8%), iaitu daripada RM1.634 bilion pada tahun 2020 kepada RM1.778 bilion pada tahun 2021.

4. KUMPULAN WANG DISATUKAN

4.1. Kumpulan Wang Disatukan terdiri daripada tiga akaun iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Pada tahun 2021, Kumpulan Wang Disatukan mencatat penurunan berjumlah RM434.45 juta (16.2%), iaitu RM2.245 bilion berbanding RM2.679 bilion pada tahun 2020. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN PADA AKHIR
TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Hasil Disatukan	1,014.21	1,204.24	(190.03)	(15.8)
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	0.00	0.0
	Akaun Amanah Disatukan :	1,230.58	1,475.00	(244.42)	(16.6)
3.	i) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan: - Kumpulan Wang Pembangunan dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	623.29	446.87	176.42	39.5
	ii) Kumpulan Wang Amanah Awam	327.33	736.53	(409.20)	(55.6)
	iii) Akaun Wang Deposit	279.96	291.60	(11.64)	(4.0)
	JUMLAH	2,244.79	2,679.24	(434.45)	(16.2)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

4.2. Trend Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2017 hingga 2021 adalah seperti dalam **Jadual 3** dan **Carta 1**.

JADUAL 3
TREND KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN
PADA AKHIR TAHUN 2017 HINGGA 2021

BIL.	BUTIRAN	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)
1.	Akaun Hasil Disatukan	1,122.84	1,126.44	1,193.59	1,204.24	1,014.21
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	1,301.84	1,337.84	1,459.82	1,475.00	1,230.58
3.	i) Kumpulan Wang Pembangunan dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	212.64	216.09	337.96	446.87	623.29
	ii) Kumpulan Wang Amanah Awam	757.28	665.35	826.96	736.53	327.33
	iii) Akaun Deposit	331.92	456.40	294.90	291.60	279.96
	JUMLAH	2,424.68	2,464.28	2,653.41	2,679.24	2,244.79

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 hingga 2021

CARTA 1
TREND KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN
PADA AKHIR TAHUN 2017 HINGGA 2021



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 hingga 2021

5. WANG AWAM

5.1. Wang Tunai

5.1.1. Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan. Wang Tunai Dalam Bank merangkumi Deposit Dalam Negeri bagi tempoh kurang dari tiga bulan dan baki akaun semasa. Wang Tunai Dalam Perjalanan ialah wang tunai yang belum dibankkan serta wang tunai yang belum diambil kira dalam buku tunai. Wang Tunai Dalam Tangan pula terdiri daripada 133 Panjar Wang Runcit dan dua Panjar Wang Runcit Khas yang diberi kepada Pemegang Panjar untuk tujuan perbelanjaan runcit.

5.1.2. Analisis perbandingan kedudukan baki Wang Tunai menunjukkan penurunan berjumlah RM264.45 juta (26.6%) menjadi RM730.55 juta pada tahun 2021 berbanding RM995 juta pada 2020. Penurunan baki Wang Tunai disebabkan oleh penurunan kutipan hasil cukai, bukan cukai dan terimaan bukan hasil pada tahun 2021. Kedudukan baki Wang Tunai pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
KEDUDUKAN BAKI WANG TUNAI PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN	2021	2020	PERUBAHAN	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	729.47	993.92	(264.45)	(26.6)
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	0.00	0.00	0.00	0.0
3.	Wang Tunai Dalam Tangan	1.08	1.08	0.00	0.0
	JUMLAH	730.55	995.00	(264.45)	(26.6)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

5.2. Pelaburan

5.2.1. Mengikut Seksyen 8, Akta Tatacara Kewangan 1957, Kerajaan negeri dibenarkan membuat pelaburan dalam deposit tetap di bank dan pelaburan lain. Pelaburan ini terdiri daripada Pelaburan Am dan Pelaburan Kumpulan Wang Amanah. Pelaburan Am adalah pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan selain daripada pelaburan Kumpulan Wang Amanah. Pelaburan Kumpulan Wang Amanah pula adalah selaras dengan Seksyen 9 dan Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957, Arahan Amanah, Suratcara Amanah serta peraturan yang berkuat kuasa.

5.2.2. Pelaburan Kerajaan negeri pada akhir tahun 2021 berjumlah RM1.514 bilion berbanding RM1.684 bilion pada tahun 2020. Penurunan berjumlah RM170 juta (10.1%) pada tahun 2021 disumbangkan oleh pengeluaran pelaburan melibatkan 53 sijil simpanan tetap di tiga institusi kewangan berjumlah RM610 juta melebihi penambahan pelaburan melibatkan 44 sijil simpanan tetap di dua institusi kewangan berjumlah RM440 juta. Kedudukan pelaburan pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
PELABURAN TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN	2021	2020	PERUBAHAN	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Pelaburan Am	1,514.00	1,684.00	(170.00)	(10.1)
2.	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	0.23	0.23	0.00	0.0
	JUMLAH	1,514.23	1,684.23	(170.00)	(10.1)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

5.2.3. Pelaburan Kerajaan Negeri Johor dalam saham amanah di dua institusi pelaburan berjumlah RM18 juta bertentangan dengan Perenggan 6.2, Piawaian Perakaunan Kerajaan 6. Pihak Kerajaan Negeri Johor adalah disarankan untuk melupuskan pelaburan tersebut pada tahun 2022.

6. AKAUN HASIL DISATUKAN

6.1. Akaun Hasil Disatukan merekod semua urus niaga penerimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan negeri. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 97 dan 98 Perlembagaan Persekutuan dan Perenggan 7(a) Akta Tatacara Kewangan 1957.

6.2. Pada tahun kewangan 2021, kurangan hasil Akaun Kerajaan negeri berjumlah RM190.03 juta, menurun sebanyak RM200.68 juta (1,884.3%) berbanding lebih RM10.65 juta pada tahun 2020. Baki Akaun Hasil Disatukan telah menurun berjumlah RM190.03 juta (15.8%), iaitu daripada RM1.204 bilion pada tahun 2020 kepada RM1.014 bilion pada tahun 2021. Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
KEDUDUKAN AKAUN HASIL DISATUKAN TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	1,204.24	1,193.59	10.65	0.9
Hasil	1,428.14	1,674.29	(246.15)	(14.7)
(-) Perbelanjaan Mengurus*	1,618.17	1,663.64	(45.47)	(2.7)
Lebihan/(Kurangan)	(190.03)	10.65	(200.68)	(1,884.3)
BAKI PADA 31 DISEMBER	1,014.21	1,204.24	(190.03)	(15.8)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

Nota: (*) – Perbelanjaan mengurus adalah termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan

6.3. Hasil

6.3.1. Kerajaan Negeri Johor memungut tiga jenis hasil yang terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Pada akhir tahun 2021, kutipan hasil sebenar adalah berjumlah RM1.428 bilion, mencatatkan kurangan sebanyak RM180.93 juta (11.2%) berbanding anggaran kutipan hasil yang berjumlah RM1.609 bilion. Kutipan hasil sebenar berbanding anggaran kutipan hasil tahun 2021 adalah seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
PRESTASI KUTIPAN HASIL SEBENAR BERBANDING ANGGARAN HASIL TAHUN 2021

BIL.	BUTIRAN HASIL	ANGGARAN HASIL (RM Juta)	KUTIPAN HASIL SEBENAR	
			(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Cukai	773.46	550.36	71.2
2.	Hasil Bukan Cukai	605.34	681.31	112.5
3.	Terimaan Bukan Hasil	230.27	196.47	85.3
JUMLAH		1,609.07	1,428.14	88.8

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021


6.3.2. Secara keseluruhannya, hasil yang dikutip oleh Kerajaan negeri pada tahun 2021 berjumlah RM1.428 bilion, menurun sebanyak RM246.15 juta (14.7%) berbanding RM1.674 bilion pada tahun 2020. Penurunan ini disumbang oleh Hasil Cukai yang menurun berjumlah RM135.10 juta (19.7%), Hasil Bukan Cukai yang menurun berjumlah RM81.19 juta (10.6%) dan Terimaan Bukan Hasil yang menurun berjumlah RM29.86 juta (13.2%) pada tahun 2021 berbanding tahun 2020. Penurunan hasil yang paling ketara adalah cukai tanah semasa/berulang, faedah dan hasil dari wang simpanan tetap dalam bank, pemberian kos perkhidmatan atas pelaksanaan projek pembangunan Kerajaan Persekutuan, pemberian pertambahan hasil dan bayaran kenderaan luar negara yang memasuki Malaysia melalui jalan darat. Jumlah kutipan bagi hasil tersebut pada tahun 2021 berjumlah RM516.86 juta menurun sebanyak RM216.32 juta 29.5% berbanding RM733.18 juta pada tahun 2020. Kutipan hasil pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 8** dan **Carta 2**.

JADUAL 8
KUTIPAN HASIL SEBENAR BAGI TAHUN 2021 DAN 2020

BIL.	BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Cukai	550.36	685.46	(135.10)	(19.7)
2.	Hasil Bukan Cukai	681.31	762.50	(81.19)	(10.6)
3.	Terimaan Bukan Hasil	196.47	226.33	(29.86)	(13.2)
JUMLAH		1,428.14	1,674.29	(246.15)	(14.7)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

CARTA 2
KUTIPAN HASIL SEBENAR BAGI TAHUN 2021 DAN 2020



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

6.3.3. Penyumbang utama hasil Kerajaan negeri adalah Cukai Tanah Semasa/Berulang, Premium Bagi Geran, Bayaran Pendaftaran Tanah, Bayaran Perkhidmatan yang Lain dan Faedah serta Hasil daripada Simpanan Tetap. Butiran hasil ini telah menyumbang RM938.74 juta (65.7%) daripada kutipan hasil tahun 2021 yang berjumlah RM1.428 bilion. Pada tahun 2020, hasil yang dicatatkan oleh kategori hasil ini berjumlah RM1.094 bilion (65.4%) daripada kutipan hasil tahun 2020 yang berjumlah RM1.674 bilion. Butiran lanjut mengenai hasil utama Kerajaan negeri pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
HASIL UTAMA KERAJAAN NEGERI PADA AKHIR TAHUN 2021 DAN 2020

BIL.	BUTIRAN HASIL	JENIS HASIL	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
					(RM Juta)	(%)
1.	Cukai Tanah Semasa/Berulang	Hasil Cukai	439.14	564.38	(125.24)	(22.2)
2.	Premium Bagi Geran	Hasil Bukan Cukai	234.09	236.24	(2.15)	(0.9)
3.	Bayaran Pendaftaran Tanah	Hasil Bukan Cukai	117.00	109.58	7.42	6.8
4.	Bayaran Perkhidmatan yang Lain	Hasil Bukan Hasil	85.07	77.04	8.03	10.4
5.	Faedah dan Hasil Daripada Simpanan Tetap	Hasil Bukan Hasil	63.44	106.39	(42.95)	(40.4)
JUMLAH			938.74	1,093.63	(154.89)	(14.2)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

6.3.4. Analisis Audit mendapati sebanyak 58 butiran hasil menunjukkan peningkatan pada tahun 2021 berbanding 2020. Pindahan dari Akaun Deposit menunjukkan peningkatan tertinggi berjumlah RM6.66 juta (723.9%) daripada RM0.92 juta pada tahun 2020 menjadi RM7.58 juta pada tahun 2021. Lima butiran hasil yang mencatatkan peningkatan ketara pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
JUSTIFIKASI PENINGKATAN KETARA HASIL PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN HASIL	JENIS HASIL	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN
					(RM Juta)	(%)	
1.	Pindahan dari Akaun Deposit	Terimaan Bukan Hasil	7.58	0.92	6.66	723.9	<ul style="list-style-type: none"> Wang tersebut merupakan Deposit Urusan Tanah Kerajaan yang tidak dituntut oleh pendeposit dari tahun 1973 hingga 1990. Pendeposit tersebut tidak membuat tuntutan dan tidak dapat dikesan walaupun pewartaan telah dilakukan. Deposit tersebut telah dipindahkan ke hasil berjumlah RM7.01 juta.

BIL.	BUTIRAN HASIL	JENIS HASIL	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN
					(RM Juta)	(%)	
2.	Perolehan daripada Projek Penswastaan Kerajaan	Hasil Bukan Cukai	7.20	4.05	3.15	77.8	<ul style="list-style-type: none"> Tiga syarikat yang tidak membuat pembayaran bagi pulangan tunai pada tahun 2020 telah membuat bayaran kepada Bahagian Perancang Ekonomi Negeri pada tahun 2021.
3.	Denda – Lewat Bayar Cukai Tanah	Hasil Bukan Cukai	7.76	4.78	2.98	62.3	<ul style="list-style-type: none"> Peningkatan denda lewat selari dengan peningkatan tunggakan cukai tanah.
4.	Tunggakan Cukai Tanah	Hasil Cukai	29.03	23.28	5.75	24.7	<ul style="list-style-type: none"> <i>Taskforce</i> dilaksanakan oleh Pejabat Tanah Daerah dengan mengeluarkan Notis Peringatan dan pengeluaran Notis 6A. Mengadakan kaunter luar bayaran cukai tanah terutamanya di kawasan Felda dan sekitar daerah.
5.	Lesen Tanah dan Galian - Tanah	Hasil Bukan Cukai	53.48	43.48	10.00	23.0	<ul style="list-style-type: none"> Peningkatan pembelian permit bahan batuan bagi tahun 2021. Kelulusan daripada Kerajaan negeri berkaitan kebenaran menjalankan aktiviti pengalihan bahan batuan dan mineral pada hari Jumaat dan kelulusan kepada pengusaha untuk beroperasi sebelum dan selepas waktu pejabat serta hari Jumaat.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

6.3.5. Analisis Audit mendapati 70 butiran hasil menunjukkan penurunan pada tahun 2021. Cukai Tanah Semasa/Berulang menunjukkan penurunan hasil yang ketara iaitu berjumlah RM125.24 juta (22.2%) menjadi RM439.14 juta pada tahun 2021 berbanding tahun 2020 berjumlah RM564.38 juta. Lima butiran hasil yang mencatatkan penurunan ketara pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 11**.

**JADUAL 11
JUSTIFIKASI PENURUNAN KETARA HASIL PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020**

BIL.	BUTIRAN HASIL	JENIS HASIL	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENURUNAN
					(RM Juta)	(%)	
1.	Pemberian Pertambahan Hasil	Terimaan Bukan Hasil	0.00	16.21	(16.21)	(100)	<ul style="list-style-type: none"> Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020, hasil bagi tahun 2020 telah menurun berbanding tahun 2019. Sehubungan itu, tiada penyaluran pemberian pertambahan hasil kepada Kerajaan negeri pada tahun 2021.

BIL.	BUTIRAN HASIL	JENIS HASIL	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENURUNAN
					(RM Juta)	(%)	
2.	Bayaran Kenderaan Luar Negara Yang Memasuki Malaysia Melalui Jalan Darat	Hasil Bukan Cukai	0.01	12.56	(12.55)	(100)	<ul style="list-style-type: none"> Penutupan sempadan akibat daripada Perintah Kawalan Pergerakan disebabkan penularan pandemik Covid-19.
3.	Pemberian Kos Perkhidmatan Di Atas Pelaksanaan Projek Pembangunan Persekutuan	Terimaan Bukan Hasil	14.26	33.65	(19.39)	(57.6)	<ul style="list-style-type: none"> Projek pembangunan Kerajaan Persekutuan yang dilaksanakan oleh jabatan negeri berkurangan disebabkan kesan daripada penularan Covid-19.
4.	Faedah dan Hasil dari Wang Simpanan Tetap Dalam Bank	Hasil Bukan Cukai	63.44	106.39	(42.95)	(40.4)	<ul style="list-style-type: none"> Pengeluaran simpanan tetap pada tahun 2021 berjumlah RM610 juta menyebabkan faedah berkurangan. Kadar faedah yang ditawarkan oleh pihak bank agak rendah pada tahun 2021 berbanding 2020 iaitu sekitar 1.79% hingga 2.25% sahaja.
5.	Cukai Tanah Semasa/Berulang	Hasil Cukai	439.14	564.38	(125.24)	(22.2)	<ul style="list-style-type: none"> Pemberian rebat sebanyak 10% kepada pemilik hartaan bagi tahun 2021. Pada tahun 2020, Kerajaan negeri telah memberikan rebat 50% cukai tanah bagi rezab Melayu yang berkeluasan lima hektar ke bawah. Terdapat peneroka felda yang tidak perlu menjelaskan cukai tanah pada tahun 2021 kerana telah membuat lebihan bayaran pada tahun 2020. Pemilik tanah yang mempunyai nilai cukai tanah semasa yang tinggi dan tidak dapat menjelaskan cukai tanah akibat pandemik Covid-19.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

6.4. Perbelanjaan Mengurus

6.4.1. Perbelanjaan mengurus terdiri daripada bayaran Emolumen, Perkhidmatan dan Bekalan, Aset, Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap, serta Perbelanjaan Lain. Anggaran perbelanjaan mengurus tahun 2021 berjumlah RM1.892 bilion berbanding RM1.829 bilion pada tahun 2020 dengan peningkatan sebanyak RM62.66 juta (3.4%). Anggaran perbelanjaan mengurus pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 12**.

JADUAL 12
ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS
PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN	ANGGARAN PERBELANJAAN		PERUBAHAN	
		2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	555.21	534.90	20.31	3.8
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	273.80	269.29	4.51	1.7
3.	Aset	23.66	23.26	0.40	1.7
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	1,025.55	982.13	43.42	4.4
5.	Perbelanjaan Lain	13.31	19.29	(5.98)	(31.0)
JUMLAH		1,891.53	1,828.87	62.66	3.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

6.4.2. Pada tahun 2021, Kerajaan negeri telah membelanjakan sejumlah RM1.618 bilion, iaitu 85.5% daripada anggaran yang diperuntukan berjumlah RM1.892 bilion. Prestasi perbelanjaan mengurus berbanding anggaran diluluskan pada tahun 2021 seperti dalam **Jadual 13**.

JADUAL 13
PERBELANJAAN MENGURUS
BERBANDING ANGGARAN DILULUSKAN PADA AKHIR TAHUN 2021

BIL.	BUTIRAN	ANGGARAN (RM Juta)	PRESTASI	
			(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	555.21	542.00	97.6
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	273.80	213.78	78.1
3.	Aset	23.66	16.12	68.1
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	1,025.55	833.04	81.2
5.	Perbelanjaan Lain	13.31	13.23	99.4
JUMLAH		1,891.53	1,618.17	85.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021

6.4.3. Analisis Audit mendapati jumlah perbelanjaan mengurus adalah termasuk pindahan kepada Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah RM640 juta dan perbelanjaan di bawah AP 58 (a) berjumlah RM6.53 juta. Pada keseluruhannya, perbelanjaan mengurus Kerajaan negeri telah menurun sebanyak RM45.47 juta (2.7%) iaitu daripada RM1.664 bilion pada tahun 2020 menjadi RM1.618 bilion pada tahun 2021. Perbelanjaan mengurus Kerajaan negeri pada tahun 2021 berbanding 2020 mengikut butiran perbelanjaan adalah seperti dalam **Jadual 14**.

JADUAL 14
PERBELANJAAN MENGURUS PADA AKHIR TAHUN 2021 DAN 2020

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	542.00	522.46	19.54	3.7
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	213.78	211.61	2.17	1.0
3.	Aset	16.12	21.11	(4.99)	(23.6)
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	833.04	889.63	(56.59)	(6.4)
5.	Perbelanjaan Lain	13.23	18.83	(5.6)	(29.7)
JUMLAH		1,618.17	1,663.64	(45.47)	(2.7)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

6.4.4. Perbelanjaan yang mencatatkan peningkatan tertinggi adalah emolumen dengan peningkatan sebanyak RM9.58 juta (5%), iaitu daripada RM191.42 juta pada tahun 2020 menjadi RM201 juta pada tahun 2021. Justifikasi peningkatan perbelanjaan pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 15**.

JADUAL 15
PENINGKATAN PERBELANJAAN MENGURUS PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN MENGURUS	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN
				(RM Juta)	(%)	
1.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap – Pejabat Setiausaha Kerajaan	5.32	1.43	3.89	272.0	<ul style="list-style-type: none"> Bayaran perintah mahkamah menggunakan Akaun Penyelesaian berjumlah RM5.20 juta pada 15 Disember 2020. Pada tahun 2021, pentadbiran telah membuat bayaran balik ke Akaun Penyelesaian tersebut dengan kelulusan daripada Pejabat Perbendaharaan.
2.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap – Jabatan Kebajikan Masyarakat	30.08	21.33	8.75	41.0	<ul style="list-style-type: none"> Pembayaran bagi perolehan bekalan makanan dan keperluan mangsa banjir yang berlaku pada awal tahun 2021. Kenaikan kadar Bantuan Am dari RM200 kepada RM300 sebulan. Pertambahan jumlah penerima bantuan sebanyak 822 penerima menjadi 6,401 (2021) berbanding 5,579 (2020). Kenaikan jumlah penerima Bantuan Khas Rahmat Ramadhan kepada penerima bantuan beragama Islam. Bayaran Bantuan Khas Ramadhan kali ke dua sempena Hari Raya Aidilfitri kepada penyelia dan petugas Pemulihan Dalam Komuniti.
3.	Perkhidmatan dan Bekalan – Jabatan Kerja Raya	20.58	17.69	2.89	16.3	<ul style="list-style-type: none"> Peningkatan perbelanjaan di bawah OS 24000 – kenaikan bayaran sewaan khemah berikutan peralihan Pelan Pemulihan Negara ke Fasa 2 mulai bulan September 2021 yang membenarkan anjuran majlis rasmi kerajaan.

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN MENGURUS	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN
				(RM Juta)	(%)	
4.	Perkhidmatan dan Bekalan – Jabatan Pengairan dan Saliran	45.31	39.09	6.22	15.9	<ul style="list-style-type: none"> Peningkatan dalam perbelanjaan penyenggaraan.
5.	Emolumen – Jabatan Agama Islam	201.00	191.42	9.58	5.0	<ul style="list-style-type: none"> Kenaikan pangkat secara <i>time based</i> lapisan pertama pegawai Jabatan Agama Islam.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

6.4.5. Analisis Audit mendapati Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap (Peruntukan Kepada Kumpulan Wang Terkanun) mencatatkan penurunan ketara iaitu penurunan berjumlah RM70.50 juta (9.5%) daripada RM745.50 juta pada tahun 2020 kepada RM675 juta pada tahun 2021. Justifikasi penurunan perbelanjaan pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 16**.

JADUAL 16
PENURUNAN KETARA PERBELANJAAN
MENGURUS PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN MENGURUS	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENURUNAN
				(RM Juta)	(%)	
1.	Aset – Pejabat Setiausaha Kerajaan	5.09	13.69	(8.6)	(62.8)	<ul style="list-style-type: none"> Pada tahun 2020, terdapat pembelian 19 kenderaan rasmi jabatan manakala bagi tahun 2021 tiada pembelian kenderaan jabatan dibuat.
2.	Perbelanjaan Lain – Pejabat Perbendaharaan Negeri	5.21	10.90	(5.69)	(52.2)	<ul style="list-style-type: none"> Pada tahun 2021, jabatan kurang menerima tuntutan bayaran balik hasil dan hapus kira daripada jabatan negeri.
3.	Perkhidmatan dan Bekalan – Pejabat Tanah dan Galian	7.46	13.78	(6.32)	(45.9)	<ul style="list-style-type: none"> Pembayaran honorium, pembelian kertas keselamatan dan perbelanjaan bagi projek penambahbaikan sistem e-strata adalah secara <i>one off</i> pada tahun 2020 sahaja. Perbelanjaan tersebut tidak diperuntukan dalam belanjawan 2021.
4.	Perkhidmatan dan Bekalan – Peruntukan Diraja	9.26	11.91	(2.65)	(22.3)	<ul style="list-style-type: none"> Pada tahun 2020, tambahan peruntukan diperlukan bagi membayar tunggakan utiliti Istana Johor bagi tahun sebelum.

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN MENGURUS	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENURUNAN
				(RM Juta)	(%)	
5.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap – Peruntukan Kepada Kumpulan Wang Terkanun	675.00	745.50	(70.50)	(9.5)	<ul style="list-style-type: none"> Jumlah caruman ke dalam Kumpulan Wang Pembangunan menurun sebanyak RM55 juta daripada RM695 juta (2020) kepada RM640 juta (2021). Jumlah caruman ke dalam Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan menurun sebanyak RM5 juta. Jumlah caruman ke dalam Kumpulan Wang Amanah Perubatan Johor menurun sebanyak RM10.50 juta.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

6.4.6. Bayaran di Bawah Arahan Perbendaharaan 58 (a)

- Arahan Perbendaharaan 58 (a) menetapkan bahawa bayaran terhadap bekalan/perkhidmatan yang telah diterima pada tahun sebelumnya boleh dibuat pada tahun semasa. Pembayaran ini boleh dibuat dengan syarat jabatan mempunyai baki peruntukan yang mencukupi pada tahun bekalan/perkhidmatan tersebut diterima dan tiada sebarang keraguan tentang sebab berlaku kelewatan pembayaran tersebut.
- Analisis terhadap pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 58 (a) tahun 2021 mendapati pembayaran tersebut menurun sebanyak RM4.31 juta (39.8%) berbanding tahun 2020. Pada tahun 2021, sejumlah RM6.53 juta telah dibelanjakan di bawah AP 58 (a) bagi perbelanjaan tahun terdahulu yang melibatkan 3,199 baucar bayaran di 121 Pusat Tanggungjawab (PTJ) berbanding RM10.84 juta bagi 6,182 baucar bayaran bagi tahun 2020. Butiran pembayaran di bawah peruntukan AP 58 (a) pada tahun 2021 berbanding 2020 seperti dalam **Jadual 17**.

JADUAL 17
PEMBAYARAN DI BAWAH PERUNTUKAN AP 58 (a)
BAGI TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)	2021		2020		PERUBAHAN	
		BAUCAR BAYARAN	JUMLAH	BAUCAR BAYARAN	JUMLAH		
		BIL.	(RM Juta)	BIL.	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan (Bahagian Khidmat Pengurusan)	251	0.79	484	3.01	(2.22)	(73.8)
2.	Jabatan Kerja Raya Negeri	70	0.61	145	1.50	(0.89)	(59.3)
3.	Pengelola Bijaya DiRaja – Kelas 3	10	0.58	86	0.65	(0.07)	(10.8)
4.	Pejabat Setiausaha Kerajaan (Bahagian Pengurusan Sumber Manusia)	22	0.20	44	0.05	0.15	300.0
5.	Timbalan Setia Negeri	9	0.19	3	0.12	0.07	58.3
6.	Jabatan Agama Islam Negeri (Bahagian Pendidikan Islam)	58	0.95	174	0.28	0.67	239.3
7.	Pejabat Setiausaha Kerajaan (Bahagian Kerajaan Tempatan)	36	0.14	81	0.64	(0.50)	(78.1)
8.	Jabatan Agama Islam Negeri	90	0.23	104	0.18	0.05	27.8
9.	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri	41	0.12	100	0.17	(0.05)	(29.4)
10.	Pejabat Jurutulis Dewan Negeri	118	0.11	128	0.08	0.03	37.5
11.	Lain-lain PTJ (2021:111 PTJ)	2,494	2.61	4,833	4.16	(1.55)	(37.3)
JUMLAH		3,199	6.53	6,182	10.84	(4.31)	(39.8)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020 serta Rekod Jabatan Kewangan Negeri


- c. Analisis seterusnya menunjukkan trend perbelanjaan AP 58 (a) dari tahun 2018 hingga Mei 2022 seperti dalam **Jadual 18** dan **Carta 3**.

JADUAL 18
ANALISIS PERBELANJAAN AP 58 (a) BAGI TAHUN 2018 HINGGA MEI 2022

BIL.	MEI 2022		2021		2020		2019		2018	
	BAUCAR BAYARAN		BAUCAR BAYARAN		BAUCAR BAYARAN		BAUCAR BAYARAN		BAUCAR BAYARAN	
	BIL.	(RM Juta)								
1.	1,184	4.25	3,199	6.53	6,182	10.84	7,961	18.50	6,284	20.23

Sumber: Rekod Jabatan Kewangan Negeri

CARTA 3
TREND PERBELANJAAN AP 58 (a) BAGI TAHUN 2018 HINGGA MEI 2022



Sumber: Baucar Bayaran AP 58 (a)

- d. Perbelanjaan AP 58 (a) yang tertinggi bagi tahun 2021 melibatkan perbelanjaan di bawah objek 29000 iaitu perbelanjaan bagi Perkhidmatan Ikhtisas dan Lain-Lain Perkhidmatan Yang Dibeli dan Hospitaliti seperti perkhidmatan kawalan serangga dan makhluk perosak, bacaan meter mesin fotostat dan perkhidmatan kebersihan. Selain itu, perbelanjaan di bawah objek 23000 seperti bil pembentungan, air dan elektrik. Pecahan perbelanjaan AP 58 (a) mengikut kod objek adalah seperti dalam **Jadual 19**.

JADUAL 19
TUJUAN UTAMA PEMBAYARAN DI BAWAH AP 58 (a) MENGIKUT KOD OBJEK

BIL.	OBJEK SEBAGAI	PERIHAL	JUMLAH (RM Juta)
1.	29000	Perkhidmatan Ikhtisas dan Lain-lain Perkhidmatan Yang Dibeli Dan Hospitaliti	1.87
2.	23000	Perhubungan dan Utiliti	1.08
3.	14000	Bayaran Lebih Masa	0.80
4.	28000	Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil Yang Dibeli	0.66
5.	24000	Sewaan	0.59
6.	Lain -lain Objek Sebagai		1.53
JUMLAH			6.53

Sumber: Baucar Bayaran AP 58 (a)

- e. Analisis Audit selanjutnya mendapati empat baucar melibatkan empat PTJ berjumlah RM0.19 juta daripada jumlah RM6.53 juta telah dibayar pada tahun 2021 bagi bil tuntutan tahun 2018 dan 2019. Perbelanjaan PTJ tersebut dilaksanakan tanpa mempunyai baki peruntukan yang mencukupi bagi tahun berkenaan. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 20**.

JADUAL 20
PEMBAYARAN AP 58 (a) BAGI TUNTUTAN TAHUN 2018 DAN 2019

BIL.	PTJ	BIL. BAUCAR	JUMLAH (RM)	TAHUN TUNTUTAN	TAHUN BAYARAN	JUSTIFIKASI
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan (Bahagian Khidmat Pengurusan)	1	2,324.00	2018	2021	<ul style="list-style-type: none"> Terdapat isu dalam penentuan gaji permulaan bagi seorang Pegawai Tadbir N41 dan isu tersebut diselesaikan pada Mesyuarat Suruhanjaya Bil.1/2021 yang bersidang pada 27 Januari 2021.
2.	Jabatan Kerja Raya Daerah Pontian	1	13,629.95	2019	2021	<ul style="list-style-type: none"> Surat Pusaka Kecil diterima pada 17 Ogos 2020 iaitu selepas tempoh AP 58 (a) tahun 2020.
3.	Pengelola Bijaya Diraja - Kelas 3	1	13,200.00	2019	2021	<ul style="list-style-type: none"> Invois daripada pembekal diterima oleh jabatan pada 18 Jun 2020 iaitu selepas tempoh AP 58 (a) tahun 2020.
4.	Jabatan Agama Islam Negeri (Bahagian Pendidikan Islam)	1	159,198.00	2018-2021	2021	<ul style="list-style-type: none"> Telah mendapat kelulusan khas bayaran bagi kontrak mesin fotostat dan pencetak. Bagaimanapun, bayaran tidak dapat dilaksanakan pada tahun 2020 kerana terdapat arahan daripada Pegawai Kewangan Negeri yang jabatan perlu patuhi sebelum bayaran dapat dibuat.
JUMLAH		4	188,351.95			

Sumber: Baucar Bayaran AP 58 (a)

7. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan ditubuhkan mengikut perenggan 7(b), Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini digunakan untuk mengakaun semua pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan, bayaran balik pinjaman dan pindahan penerimaan pinjaman ke Akaun Kumpulan Wang Pembangunan atau Kumpulan Wang Lain yang dibenarkan. Pada tahun 2021, tiada pinjaman dibuat oleh Kerajaan negeri daripada Kerajaan Persekutuan.

8. AKAUN AMANAH DISATUKAN

8.1. Akaun Amanah Disatukan diwujudkan di bawah perenggan 7(c), Akta Tatacara Kewangan 1957. Ia terdiri daripada tiga kumpulan wang iaitu Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit. Semua penerimaan dan pembayaran wang kumpulan ini tertakluk kepada arahan amanah mengikut terma-terma amanah tersebut.

8.2. Pada 31 Disember 2021, baki Akaun Amanah Disatukan berjumlah RM1.231 bilion berbanding RM1.475 bilion pada akhir tahun 2020, iaitu menurun sebanyak RM244.42 juta (16.6%). Penurunan Kumpulan Wang Amanah Awam berjumlah RM409.20 juta (55.6%) disebabkan oleh penutupan dua akaun amanah awam berjumlah RM406.78 juta dan dipindahkan kepada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan. Selain itu, terdapat tuntutan bayaran balik bagi pengambilan balik tanah berjumlah RM11 juta telah dibuat kepada agensi pembayar amanah. Kedudukan Akaun Amanah Disatukan pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 21**.


JADUAL 21
KEDUDUKAN AKAUN AMANAH DISATUKN
PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	623.29	446.87	176.42	39.5
Kumpulan Wang Amanah Awam	327.33	736.53	(409.20)	(55.6)
Akaun Deposit	279.96	291.60	(11.64)	(4.0)
BAKI PADA 31 DISEMBER	1,230.58	1,475.00	(244.42)	(16.6)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

8.3. Kedudukan Akaun Amanah Disatukan pada akhir tahun 2017 hingga 2021 adalah seperti dalam **Carta 4**.

CARTA 4
KEDUDUKAN AKAUN AMANAH DISATUKN
PADA AKHIR TAHUN 2017 HINGGA 2021



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 hingga 2021

8.4. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

8.4.1. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan mengikut Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 bagi mengakaunkan terimaan daripada peruntukan Kerajaan dan bayaran bagi maksud tertentu. Kumpulan wang amanah ini merupakan kumpulan wang pusingan dan perbelanjaannya tidak boleh melebihi had peruntukan yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri.

8.4.2. Analisis mendapati baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada tahun 2021 berjumlah RM623.29 juta iaitu meningkat sebanyak RM176.42 juta (39.5%) berbanding baki tahun 2020 berjumlah RM446.87 juta. Peningkatan ini disumbangkan oleh peningkatan baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan berjumlah RM332.48 juta. Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada akhir tahun 2021 berbanding tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 22**.

JADUAL 22
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN
PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Kumpulan Wang Pembangunan	(359.00)	(223.92)	135.08	60.3
2.	Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Hutan	6.26	5.95	0.31	5.2
3.	Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan	5.18	0.00	5.18	100
4.	Akaun Penyelesaian	4.34	30.81	(26.47)	(85.9)
5.	Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	966.51	634.03	332.48	52.4
BAKI PADA 31 DISEMBER		623.29	446.87	176.42	39.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

8.4.3. Kumpulan Wang Pembangunan

Kumpulan Wang Pembangunan ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966. Sumber kewangan bagi kumpulan wang ini terdiri daripada caruman daripada Akaun Hasil Disatukan, terimaan pemberian daripada Kerajaan Persekutuan dan pelbagai terimaan. Kumpulan Wang Pembangunan hanya boleh dibelanjakan bagi maksud yang ditentukan oleh Akta tersebut.

a. Prestasi Kewangan

- i. Terimaan bagi kumpulan wang ini terdiri daripada Jualan Rumah Awam Kos Rendah, Pemberian Pertambahan Hasil Bahagian II, Pemberian Kerajaan Persekutuan, Pulangan Balik, Pelbagai Terimaan dan pindahan daripada Akaun Hasil Disatukan.

- ii. Pada akhir tahun 2021, Kumpulan Wang Pembangunan telah mencatatkan defisit berjumlah RM135.08 juta berbanding lebihan berjumlah RM58.56 juta pada tahun 2020. Baki defisit terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan meningkat daripada RM223.92 juta pada tahun 2020 menjadi RM359 juta pada tahun 2021. Kedudukan baki Kumpulan Wang Pembangunan pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 23**.

JADUAL 23
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN
PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	(223.92)	(282.48)	(58.56)	(20.7)
Terimaan				
Pemberian Pertambahan Hasil Bahagian II	0.00	6.13	(6.13)	(100)
Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup	23.47	22.02	1.45	6.6
Pindahan daripada Akaun Hasil Disatukan	640.00	695.00	(55.00)	(7.9)
Pelbagai Terimaan	0.82	1.23	(0.41)	(33.3)
Jumlah Terimaan	664.29	724.38	(60.09)	(8.3)
Perbelanjaan	(799.37)	(665.82)	133.55	20.1
Lebihan/(Kurangan)	(135.08)	58.56	(193.64)	(330.7)
BAKI TERKUMPUL PADA 31 DISEMBER	(359.00)	(223.92)	135.08	60.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

- iii. Pada tahun 2021, Kerajaan negeri telah membelanjakan sejumlah RM799.37 juta untuk membiayai pelbagai projek pembangunan berbanding RM665.82 juta pada tahun 2020. Perbelanjaan tertinggi dilaksanakan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan berjumlah RM336.91 juta manakala Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Johor mencatatkan perbelanjaan terendah berjumlah RM42.84 juta. Perbelanjaan pembangunan pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 24**.

JADUAL 24
PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	JABATAN/PEJABAT	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan	336.91	198.21	138.70	70.0
2.	Pejabat Menteri Besar	250.44	271.58	(21.14)	(7.8)
3.	Jabatan Kerja Raya Negeri Johor	106.75	115.50	(8.75)	(7.6)
4.	Jabatan Agama Islam Negeri Johor	62.43	53.70	8.73	16.3
5.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Johor	42.84	26.83	16.01	59.7
JUMLAH		799.37	665.82	133.55	20.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

b. Prestasi Pelaksanaan Projek Pembangunan Rancangan Johor 5 Tahun

Seiring dengan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-12 (RM Ke-12) di peringkat Kerajaan Persekutuan, kaedah pelaksanaan peruntukan pembangunan negeri Johor telah distruktur semula dengan beberapa penambahbaikan. Penstrukturkan semula ini melalui Rancangan Johor Lima Tahun (RJ5T) iaitu bermula dari tahun 2021 hingga 2025.

i. Peruntukan Perbelanjaan Pembangunan RJ5T Tahun 2021 Hingga 2025

- Bagi menjayakan RJ5T, peruntukan sejumlah RM5 bilion telah diluluskan oleh Kerajaan negeri untuk diagihkan kepada lima jabatan negeri bagi melaksanakan projek yang dirancang dari tahun 2021 hingga 2025.
- Sehingga 31 Disember 2021, sejumlah RM799.37 juta iaitu 94% peruntukan telah dibelanjakan seperti dalam **Jadual 25**.

JADUAL 25
PENCAPAIAN PERBELANJAAN
PEMBANGUNAN DI BAWAH RJ5T SEHINGGA TAHUN 2021

BIL.	JABATAN/PEJABAT	BIL. PROJEK	PERUNTUKAN DILULUSKAN	PERBELANJAAN SEBENAR	
			(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Menteri Besar	2,380	270.00	250.44	92.8
2.	Pejabat Setiausaha Kerajaan	966	362.04	336.91	93.1
3.	Jabatan Kerja Raya Negeri Johor	400	109.00	106.75	97.9
4.	Jabatan Agama Islam Negeri Johor	224	65.96	62.43	94.6
5.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Johor	166	43.00	42.84	99.6
JUMLAH		4,136	850.00	799.37	94.0

Sumber: Anggaran Belanjawan RJ5T dan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021

ii. Prestasi Pelaksanaan Projek Pembangunan RJ5T Tahun 2021

- Pada tahun 2021, sebanyak 4,136 projek telah dirancang untuk dilaksanakan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 3,723 projek (90%) telah siap dilaksanakan, 142 projek (3.4%) sedang dilaksanakan, 139 projek (3.4%) masih belum dimulakan manakala 132 projek (3.2%) dibatalkan.


- Pejabat Setiausaha Kerajaan mencatatkan bilangan projek belum mula dan dibatalkan yang paling tinggi iaitu masing-masing sebanyak 81 dan 124 projek.
- Prestasi pelaksanaan projek RJ5T bagi tahun 2021 adalah seperti dalam **Jadual 26** dan **Carta 5**.

JADUAL 26
STATUS PENCAPAIAN PELAKSANAAN
PROJEK PEMBANGUNAN RJ5T BAGI TAHUN 2021

BIL.	JABATAN/PEJABAT	BIL. PROJEK	PROJEK SIAP DILAKUKAN	PROJEK DALAM PELAKSANAAN	PROJEK BELUM MULA	PROJEK BATAL
1.	Pejabat Menteri Besar	2,380	2,380	0	0	0
2.	Pejabat Setiausaha Kerajaan	966	705	56	81	124
3.	Jabatan Kerja Raya Negeri	400	281	54	57	8
4.	Jabatan Agama Islam Negeri	224	222	1	1	0
5.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri	166	135	31	0	0
JUMLAH		4,136	3,723	142	139	132

Sumber: Jabatan/Pejabat dan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021

CARTA 5
STATUS PRESTASI PELAKSANAAN
PROJEK PEMBANGUNAN RJ5T BAGI TAHUN 2021



Sumber: Jabatan Negeri dan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021

- Analisis Audit mendapati 139 projek (3.4%) yang belum dimulakan pada tahun 2021 terdiri daripada 81 projek yang diuruskan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan, 57 projek oleh Jabatan Kerja Raya Negeri Johor dan satu projek oleh Jabatan Agama Islam Negeri.

- Antara sebab projek tersebut belum dimulakan ialah proses perolehan yang mengambil masa lama seperti penyemakan dokumen tender, sebut harga tidak mendapat sambutan dan dokumen perjanjian tambahan yang belum dimuktamadkan. Selain itu, terdapat juga projek yang terlibat dengan penajaran peruntukan untuk disalurkan kepada program/projek yang memerlukan (keperluan mendesak) serta mengambil kira kebolehlaksanaan program/projek dan proses perolehan perunding semasa Perintah Kawalan Pergerakan.
- Lima projek pembangunan terbesar yang belum dimulakan sehingga akhir tahun 2021 dan justifikasinya adalah seperti dalam **Jadual 27**.

JADUAL 27
SENARAI PROJEK PEMBANGUNAN RJ5T
YANG BELUM DIMULAKAN BAGI TAHUN 2021

BIL.	NAMA PROJEK	JABATAN PELAKSANA	KOS PROJEK (RM Juta)	SEBAB BELUM DIMULAKAN
1.	Membina baharu bangunan Pejabat Tanah dan Galian di Kota Iskandar (Wisma Tanah Johor)	Pejabat Setiausaha Kerajaan	230.46	<ul style="list-style-type: none"> • Terlibat dengan penajaran peruntukan untuk disalurkan kepada program/projek yang memerlukan (keperluan mendesak).
2.	Membina baharu bangunan Pejabat Daerah dan Pejabat Tanah Daerah Kluang	Pejabat Setiausaha Kerajaan	85.00	<ul style="list-style-type: none"> • Terdapat pindaan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan berkaitan projek seperti yang diluluskan pada 21 April 2021. • Projek disyorkan dilaksanakan pada tahun 2022.
3.	Menaik taraf Jalan Ulu Choh-Gelang Patah -Jalan Ulu Pulai dari persimpangan Pontian FT005 Pekan Nenas sehingga ke persimpangan Jalan Ulu Choh-Tanjung Kupang (J7)	Jabatan Kerja Raya Negeri	46.00	<ul style="list-style-type: none"> • Projek tidak dapat dimulakan kerana masih dalam proses rekabentuk.
4.	Pembinaan laluan alternatif dari Tenggaroh 7 ke jalan FT003 (laluan Johor Bahru-Kuantan, Daerah Mersing)	Jabatan Kerja Raya Negeri	30.00	
5.	Cadangan membina jalan pintas Pekan Nenas dari persimpangan Jalan Pekan Nenas-Tanjung Piai (J238) Jalan Sawah (J113) ke Jalan Gelang Patah-Ulu Choh (J7)	Jabatan Kerja Raya Negeri	27.60	<ul style="list-style-type: none"> • Masih dalam proses pengambilan balik tanah.
JUMLAH			419.06	

Sumber: Rekod Jabatan/Pejabat Negeri

- Sebanyak 132 projek telah dibatalkan pelaksanaannya pada tahun 2021. Daripada jumlah tersebut, 124 merupakan projek yang diuruskan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan dan lapan projek oleh Jabatan Kerja Raya Negeri.

- Pembatalan projek antaranya disebabkan oleh penajaran peruntukan untuk disalurkan kepada program/projek yang memerlukan (keperluan mendesak) serta mengambil kira kebolehlaksanaan semasa Perintah Kawalan Pergerakan oleh Majlis Keselamatan Negara. Selain itu, terdapat juga program yang telah diselaraskan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri dan pertukaran jalan negeri ke jalan Persekutuan.

8.4.4. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan digunakan untuk mengakaunkan terimaan daripada peruntukan Kerajaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957. Wang dalam kumpulan wang ini hanya boleh digunakan bagi maksud ia ditubuhkan. Pada akhir tahun 2021, baki kumpulan wang ini meningkat berjumlah RM311.49 juta (46.4%) kepada RM982.28 juta berbanding RM670.79 juta pada tahun 2020. Kedudukan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 28**.

JADUAL 28
KEDUDUKAN PELBAGAI KUMPULAN WANG
AMANAH KERAJAAN PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan	5.18	0.00	5.18	100
2.	Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri Johor	187.82	372.32	(184.50)	(49.6)
3.	Kumpulan Wang Amanah Tabung Bantuan Bencana	23.30	12.60	10.70	84.9
4.	Kumpulan Wang Amanah Sukan Malaysia (SUKMA) Negeri Johor	119.35	121.28	(1.93)	(1.6)
5.	Akaun Penyelesaian	4.34	30.81	(26.47)	(85.9)
6.	Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Hutan	6.26	5.95	0.31	5.2
7.	Pelbagai Kumpulan Wang Amanah	636.03	127.83	508.20	397.6
BAKI PADA 31 DISEMBER		982.28	670.79	311.49	46.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

a. Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan

- Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan ditubuhkan untuk memperakaunkan peruntukan yang diterima daripada Kerajaan negeri untuk memastikan peruntukan mencukupi dibelanjakan sepenuhnya bagi menyelesaikan apa-apa bayaran yang melibatkan pembiayaan perumahan bagi tahun semasa.

- ii. Pada tahun 2021, baki kumpulan wang ini meningkat sebanyak RM5.18 juta (100%) berbanding pada tahun 2020. Permohonan pinjaman perumahan bagi tahun 2021 melibatkan 145 peminjam baharu dengan jumlah pinjaman RM35.56 juta. Bagaimanapun, sehingga tarikh penutupan akaun pada bulan Disember 2021, tuntutan yang diterima hanya berjumlah RM16.07 juta. Tuntutan bagi pinjaman sedia ada berjumlah RM29.51 juta menjadikan keseluruhan tuntutan yang dibayar pada tahun 2021 berjumlah RM45.58 juta. Kedudukan Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 29**.

JADUAL 29
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH
PINJAMAN PERUMAHAN PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

PERKARA	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Peruntukan	379.44	354.45	24.99	7.1
Pinjaman Perumahan Kakitangan	(374.26)	(354.45)	19.81	5.6
JUMLAH	5.18	0.00	5.18	100

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

- iii. Tuggakan baki pinjaman perumahan berjumlah RM3.27 juta melibatkan 120 peminjam. Analisis Audit terhadap tuggakan baki pinjaman perumahan mendapati perkara seperti berikut:

- tuggakan pinjaman belum dibayar balik yang tertinggi berjumlah RM1.52 juta melibatkan 61 peminjam yang telah meninggal dunia tetapi masih belum menerima pampasan insurans;
- sebanyak lapan peminjam yang telah meninggal dunia antara tahun 2007 hingga 2019 yang telah mendapat Tuntutan Pampasan Kematian (TPK) masih mempunyai baki pinjaman berjumlah RM86,293;
- sebanyak 24 peminjam yang telah berhenti/bersara daripada perkhidmatan sejak tahun 1985 hingga 2021 masih mempunyai baki pinjaman berjumlah RM1.05 juta;
- sebanyak sembilan peminjam yang telah dikenakan tindakan tatatertib buang kerja antara tahun 1984 hingga 2021 mempunyai baki pinjaman berjumlah RM388,608; dan
- terdapat tuggakan pinjaman daripada 18 peminjam yang sepatutnya telah selesai membuat pemotongan gaji/pencen dari tahun 1985 hingga 2020 berjumlah RM222,291.

- iv. Selain surat peringatan, Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor (PNJ) telah berhubung dengan beberapa jabatan berkaitan bagi mengenal pasti status peminjam dan mendapatkan maklumat terkini peminjam atau waris. PNJ juga membuat semakan perundangan bersama Penasihat Undang-undang Negeri dan Pejabat Tanah dan Galian berkaitan proses lelongan kepada peminjam yang ingkar. Pelbagai usaha juga telah dilaksanakan oleh PNJ seperti membuat susulan dengan peminjam dan waris peminjam yang telah meninggal dunia, pihak insurans dan Jabatan Pendaftaran Negara serta Kumpulan Wang Persaraan.

b. Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri

- i. Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri diwujudkan mengikut Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 dan telah dipinda penubuhannya daripada Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 kepada Seksyen 10 akta yang sama mulai 1 Julai 2013. Mulai bulan April 2019, Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri telah digantikan dengan Akaun Peruntukan Khas dalam sistem iSPEKS.
- ii. Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri Johor ditubuhkan khas untuk memperakaunkan pemberian Kerajaan Persekutuan yang digunakan khusus bagi membiayai program penyelenggaraan semua jalan raya negeri yang telah diwartakan dan direkodkan dalam Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS).
- iii. Mengikut rekod MARRIS, panjang jalan raya yang diselenggara pada tahun 2021 adalah 26,284.363 km berbanding 25,159.22 km pada tahun 2020. Peruntukan MARRIS yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2021 adalah sama seperti terimaan pada tahun 2020 iaitu berjumlah RM624.43 juta. Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri Tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 30**.

JADUAL 30
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH PENYENGGARAAN JALAN RAYA NEGERI
PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

PERKARA	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
	(RM Juta)	(%)		
Baki Pada 1 Januari	372.32	376.84	(4.52)	(1.2)
Terimaan Peruntukan Kerajaan Persekutuan	624.43	624.43	0.00	0.0
Pulangan lebihan wang MARRIS oleh pihak berkuasa tempatan	0.00	2.35	(2.35)	(100)
Pelarasan & Bayaran balik premium insurans	0.008	0.00	0.008	100
JUMLAH TERIMAAN	996.758	1,003.62	(6.862)	(0.7)
- Perbelanjaan	808.94	631.29	177.65	28.1
BAKI PADA 31 DISEMBER	187.818	372.32	(184.512)	(49.6)
Perbelanjaan Menggunakan Baki Terkumpul	184.51	6.86	177.65	2,589.7
PERBELANJAAN BERBANDING PERUNTUKAN (%)	129.5	101.1		

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

iv. Analisis Audit terhadap perbelanjaan sebenar berbanding peruntukan yang diterima mendapati perkara seperti berikut:

- Mesyuarat Majlis Kewangan Negara bersetuju pemberian peruntukan MARRIS bagi tahun 2021 disalurkan sama seperti tahun sebelum berikutan impak pandemik Covid-19. Pada tahun 2021, Kerajaan negeri menerima peruntukan yang sama seperti tahun 2020 berjumlah RM624.43 juta.
- Perbelanjaan MARRIS berjumlah RM808.94 juta adalah melebihi peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM624.43 juta. Bagaimanapun, lebihan perbelanjaan berbanding peruntukan yang diterima ditampung dengan menggunakan baki terkumpul. Penggunaan baki terkumpul bagi menampung perbelanjaan semasa tahun 2021 berjumlah RM184.51 juta meningkat sebanyak RM177.65 juta berbanding pada tahun 2020 berjumlah RM6.86 juta. Sehingga 31 Disember 2021, baki terkumpul MARRIS berjumlah RM187.82 juta menurun sebanyak RM184.51 juta (49.6%) berbanding baki terkumpul pada akhir tahun 2020 iaitu RM372.32 juta.
- Perbelanjaan semasa MARRIS berbanding perbelanjaan tahun sebelum meningkat berjumlah RM177.65 juta (28.1%) daripada RM631.29 juta pada tahun 2020 kepada RM808.94 juta pada tahun 2021. Bagaimanapun, masih terdapat baki pembayaran bagi kerja yang dilaksanakan pada tahun 2021 belum dijelaskan disebabkan kelewatan kontraktor dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengemukakan tuntutan kepada Pejabat Perbendaharaan Negeri.

- Sebanyak 477 projek berjumlah RM148.51 juta (18.4%) daripada keseluruhan perbelanjaan berjumlah RM808.94 juta adalah perbelanjaan bagi projek tahun 2020 (peruntukan yang tidak dapat dibelanjakan pada tahun 2020 dan dimohon semula pada tahun 2021).

c. Kumpulan Wang Amanah Tabung Bantuan Bencana

- i. Kumpulan Wang Amanah Tabung Bantuan Bencana ditubuhkan pada 15 Januari 2020 di bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957. Tujuan penubuhan adalah untuk mengakaunkan wang yang diterima bagi tujuan menampung perbelanjaan berkaitan dengan pengurusan bencana alam dan bantuan kepada mangsa bencana alam. Kerajaan negeri telah memutuskan bahawa segala terimaan dan perbelanjaan di bawah kumpulan wang amanah ini dikhususkan untuk menangani Covid-19. Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (Bahagian Khidmat Pengurusan) pula merupakan pentadbir kumpulan wang amanah ini.
- ii. Pada 1 Januari 2021, Kumpulan Wang Amanah Tabung Bantuan Bencana berbaki RM12.60 juta dan jumlah terimaan pada tahun 2021 berjumlah RM71.89 juta. Peruntukan yang diterima adalah daripada Agensi Pengurusan Bencana (NADMA) berjumlah RM19.65 juta, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi berjumlah RM32.47 juta, Kerajaan Negeri Johor berjumlah RM15 juta, Agensi dan pihak berkuasa tempatan berjumlah RM1.89 juta dan RM2.88 juta adalah terimaan daripada syarikat, orang awam dan lain-lain institusi. Jumlah terimaan (termasuk baki awal) akaun amanah ini ialah RM84.49 juta.
- iii. Sehingga 31 Disember 2021, sejumlah RM61.19 juta (72.4%) telah dibelanjakan untuk pengurusan Covid-19. Peruntukan disalurkan kepada semua pejabat daerah di negeri Johor bagi menguruskan perbelanjaan operasi bencana Covid-19. Peruntukan tersebut dibelanjakan bagi pembayaran sewaan dan utiliti Pusat Pemberian Vaksin (PPV), penyediaan makanan kepada petugas PPV, bayaran sewaan pengangkutan, menyediakan bank makanan, perkhidmatan membekal khemah dan peralatan perubatan bagi pesakit Covid-19. Pada akhir tahun 2021, baki Kumpulan Wang Amanah Tabung Bantuan Bencana berjumlah RM23.30 juta.

d. Penubuhan Kumpulan Wang Amanah Baharu

Pada tahun 2021, sebanyak empat kumpulan wang amanah baharu telah ditubuhkan di bawah Seksyen 10. Kumpulan wang amanah tersebut diselenggara oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Bahagian Perumahan, Bahagian Khidmat Pengurusan, Bahagian Sains Teknologi dan ICT dan Pejabat Perbendaharaan Negeri. Butiran lengkap adalah seperti dalam **Jadual 31**.

JADUAL 31
KUMPULAN WANG AMANAH BAHARU YANG DIWUJUDKAN PADA TAHUN 2021

BIL.	KUMPULAN WANG AMANAH	JABATAN YANG MENYELENGGARA	BAKI (RM Juta)	OBJEKTIF PENUBUHAN
1.	Pembangunan dan Penyelenggaraan Perumahan Negeri Johor	Pejabat Setiausaha Kerajaan (Bahagian Perumahan)	309.41	Menerima dan mengakaun peruntukan daripada Kerajaan negeri, pemaju dan orang awam bagi pembayaran perbelanjaan pentadbiran, pembangunan dan penyenggaraan perumahan.
2.	Dana Daripada Kerajaan	Pejabat Perbendaharaan Negeri	90.26	Menerima dan mengakaun peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan, negeri, sumbangan dan lain-lain terimaan bagi menampung keperluan perbelanjaan berkaitan pengurusan serta pembangunan berkaitan kerja kecemasan yang mendesak.
3.	Pembinaan Istana (Baharu) Bukit Persekutuan, Kuala Lumpur	Pejabat Setiausaha Kerajaan (Bahagian Khidmat Pengurusan)	68.00	Menerima dan mengakaun peruntukan daripada Kerajaan negeri, sumbangan dan lain-lain terimaan bagi menampung perbelanjaan berkaitan dengan pembinaan Istana Johor (Baharu) Bukit Persekutuan, Kuala Lumpur dan lain-lain yang berkaitan seperti bayaran premium tanah, cukai tanah dan cukai taksiran.
4.	Pembangunan Projek ICT Sektor Awam	Pejabat Setiausaha Kerajaan (Bahagian Sains Teknologi dan ICT)	0.00	Menggalakkan pembangunan projek ICT menggunakan kepakaran dalaman dan memberikan ganjaran kepada pasukan projek yang berjaya menjimatkan kos bagi Kerajaan.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021

8.5. Kumpulan Wang Amanah Awam

8.5.1. Kumpulan Wang Amanah Awam ditubuhkan mengikut Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 bagi mengakaunkan terimaan daripada orang awam yang diamanahkan kepada Kerajaan negeri bagi tujuan tertentu. Pengurusan akaun ini perlu dibuat mengikut Arahan Amanah yang diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri.

8.5.2. Pada akhir tahun 2021, Kerajaan negeri mempunyai 84 Akaun Wang Amanah Awam yang dikendalikan oleh 31 jabatan negeri yang berbaki RM327.33 juta. Jumlah tersebut menurun sebanyak RM409.20 juta (55.6%) berbanding baki tahun 2020 yang berjumlah RM736.53 juta. Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Awam pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 32**.

JADUAL 32
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH AWAM
PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

PERKARA	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	736.53	826.95	(90.42)	(10.9)
Penerimaan	217.13	231.43	(14.30)	(6.2)
Pembayaran	(626.33)	(321.85)	304.48	94.6
BAKI PADA 31 DISEMBER	327.33	736.53	(409.20)	(55.6)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

8.5.3. Analisis Audit mendapati sebanyak 26 akaun amanah menunjukkan penurunan baki, sebanyak 11 akaun amanah menunjukkan peningkatan dan sebanyak 23 akaun amanah mempunyai baki yang sama dari tahun sebelumnya. Akaun amanah yang menunjukkan penurunan paling ketara adalah Akaun Amanah Pembinaan Istana Johor (Baru) Bukit Persekutuan, Kuala Lumpur berjumlah RM68 juta. Penurunan berlaku disebabkan terdapat pembayaran kepada Perbadanan Setiausaha Kerajaan bagi menyelesaikan pinjaman anak syarikat. Manakala akaun amanah yang menunjukkan peningkatan yang ketara adalah Akaun Amanah Bayaran Pampasan Pengambilan Balik Tanah Untuk Projek RAPID Pengerang berjumlah RM8.62 juta. Terdapat terimaan pulangan balik berjumlah RM7.39 juta dari Akaun Amanah Projek Pemindahan Air Negeri bagi menyelesaikan tunggakan bayaran Projek Pembekalan Air Mentah Layang 2.

8.5.4. Sebanyak 15 akaun amanah baharu telah dibuka pada tahun 2021 dengan baki berjumlah RM20.16 juta. Maklumat lanjut mengenai akaun amanah yang baharu diwujudkan pada tahun 2021 adalah seperti dalam **Jadual 33**.

JADUAL 33
AKAUN AMANAH YANG BAHARU DIWUJUDKAN PADA TAHUN 2021

BIL.	AKAUN AMANAH	Bil. AKAUN AMANAH	JABATAN YANG MENYELENGGARA	BAKI (RM Juta)	OBJEKTIF PENUBUHAN
1.	Rumah Bantuan Zakat	10	Pejabat Daerah Kluang, Kota Tinggi, Segamat, Kulai, Tangkak, Muar, Mersing, Batu Pahat, Pontian dan Johor Bahru	0.79	Pembayaran bagi pembinaan rumah bantuan Majlis Agama Islam Negeri.
2.	Akademi Perkhidmatan Tadbir Negeri Johor	1	Pejabat Setiausaha Kerajaan (Bahagian Khidmat Pengurusan)	0.10	Memperaku terimaan dari badan berkanun, pihak swasta dan orang perseorangan dan perbelanjaan bagi tujuan pengurusan akademi.
3.	Pertanian dan Industri Makanan	4	Bahagian Perancang Ekonomi Negeri	0.00	Sekuriti makanan negeri Johor yang bertujuan untuk mengumpulkan sumbangan dan dana daripada Kerajaan Persekutuan dan pemain industri utama.
			Jabatan Perikanan Negeri	0.71	
			Jabatan Pertanian Negeri	13.35	
			Jabatan Veterinar Negeri	5.21	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021

8.5.5. Sebanyak enam akaun amanah telah ditutup berjumlah RM6.42 juta dan telah dipindahkan kepada hasil Kerajaan negeri manakala tiga akaun amanah yang ditutup berjumlah RM391.32 juta telah dipindahkan ke Kumpulan Wang Amanah Kerajaan. Maklumat lanjut mengenai akaun amanah yang ditutup pada tahun 2021 adalah seperti dalam **Jadual 34**.

JADUAL 34
AKAUN AMANAH YANG DITUTUP PADA TAHUN 2021

BIL.	AKAUN AMANAH	JABATAN YANG MENYELENGGARA	BAKI (RM Juta)	
DITUTUP DAN DIPINDAHKAN KEPADA KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN				
1.	Bayaran Sumbangan Kuota Bumiputera	Pejabat Setiausaha Kerajaan (Bahagian Perumahan)	387.04	
2.	Pembangunan Perumahan Infrastruktur dan Sosial		3.88	
3.	Program Penyelenggaraan Perumahan		0.40	
JUMLAH			391.32	
DITUTUP DAN DIPINDAHKAN KEPADA HASIL				
1.	Projek Pembangunan Daerah Kluang	Pejabat Daerah Kluang	0.02	
2.	Pegawai Dan Kakitangan Projek Laluan Kedua Malaysia Singapura	Pejabat Tanah dan Galian	0.00	
3.	Elaun Ketua Kampung	Pejabat Setiausaha Kerajaan (Bahagian Khidmat Pengurusan)	4.98	
4.	Projek Pembangunan Transformasi Bandar (UTC) Negeri Johor		0.05	
5.	Pembangunan Tanah Pekan Nanas, Pontian	Bahagian Perancang Ekonomi Negeri	1.00	
6.	Kajian Pelan Induk Daya Saing Bandar Johor Bahru		0.37	
JUMLAH			6.42	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021

8.6. Akaun Deposit

8.6.1. Akaun deposit merupakan wang yang diterima oleh sesebuah jabatan bagi maksud tertentu dan perlu dikembalikan setelah selesai maksudnya. Akaun deposit terdiri daripada Deposit Am, Deposit Khusus dan Deposit Pelarasian. Deposit Am dan Deposit Khusus merupakan wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah undang-undang tertentu atau perjanjian yang dipegang untuk satu jangka masa tertentu. Deposit Pelarasian pula adalah akaun sementara yang digunakan sebelum bayaran dibuat atau pelarasian kepada akaun tertentu.

8.6.2. Pada tahun 2021, Kerajaan negeri mempunyai 18 jenis deposit yang diselenggarakan oleh 55 jabatan/PTJ melalui 175 akaun deposit berjumlah RM279.96 juta. Kedudukan akaun deposit pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 35**.

JADUAL 35
KEDUDUKAN AKAUN DEPOSIT PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

JENIS DEPOSIT	BIL. AKAUN DEPOSIT	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
Deposit Am	138	124.10	112.57	11.53	10.2
Deposit Khusus	35	149.88	171.25	(21.37)	(12.5)
Deposit Pelarasan	2	5.98	7.78	(1.80)	(23.1)
JUMLAH	175	279.96	291.60	(11.64)	(4.0)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

8.6.3. Analisis Audit terhadap akaun deposit mendapati perkara seperti berikut:

- a. Akaun Deposit Am mengalami peningkatan berjumlah RM11.53 juta (10.2%) daripada RM112.57 juta pada tahun 2020 menjadi RM124.10 juta pada tahun 2021. Peningkatan berlaku disebabkan terdapat pendeposit baru (Deposit Cagaran Bekalan Air) bagi projek penggantian salur paip air di kawasan luar bandar bagi daerah Pontian berjumlah RM1.06 juta. Selain itu, terdapat penambahan penerimaan bayaran (Deposit Cagaran) berjumlah RM13.23 juta daripada kontraktor bagi kerja pemborong swasta sebelum kerja dilaksanakan.
- b. Akaun Deposit Khusus mengalami penurunan berjumlah RM21.37 juta (12.5%) menjadi RM149.88 juta berbanding RM171.25 juta pada tahun 2020. Penurunan Akaun Deposit ini antaranya disebabkan oleh pemulangan wang deposit kepada pendeposit disebabkan penutupan operasi dan pelarasan deposit yang tidak dituntut kepada hasil Kerajaan negeri.
- c. Akaun Deposit Pelarasan juga mengalami penurunan berjumlah RM1.80 juta (23.1%) daripada RM7.78 juta pada tahun 2020 menjadi RM5.98 juta pada tahun 2021. Penurunan deposit disebabkan terdapat pelarasan berjumlah RM4.01 juta daripada terimaan yang tidak diperuntukan kepada Akaun Amanah Pelaksanaan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia pada bulan Januari 2021.

9. PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum adalah penyata yang menunjukkan aset dan tanggungan Kerajaan yang tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Penyata ini terdiri daripada Penyata Akaun Memorandum Aset dan Penyata Akaun Memorandum Liabiliti. Penyata Akaun Memorandum Aset menunjukkan kedudukan Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan manakala Penyata Akaun Liabiliti menunjukkan kedudukan Hutang Awam dalam negeri.

9.1. Memorandum Aset - Pinjaman Boleh Dituntut

9.1.1. Pinjaman Boleh Dituntut merupakan pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan negeri kepada badan berkanun negeri, PBT dan syarikat berkaitan Kerajaan. Sumber pinjaman tersebut diperoleh oleh Kerajaan negeri daripada Kerajaan Persekutuan.

9.1.2. Pada tahun 2021, baki Pinjaman Boleh Dituntut menurun sebanyak RM52.95 juta (17.7%) iaitu daripada RM299.37 juta pada tahun 2020 kepada RM246.42 juta pada tahun 2021. Penurunan baki pinjaman boleh tuntut disebabkan agensi/syarikat berkaitan Kerajaan telah membuat bayaran ansuran mengikut jadual yang ditetapkan. Kedudukan Baki Pinjaman Boleh Dituntut bagi tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 36**.

JADUAL 36
KEDUDUKAN BAKI PINJAMAN BOLEH DITUNTUT
PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	AGENSI/ SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN	JUMLAH PINJAMAN (RM Juta)	2021	2020	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
BADAN BERKANUN NEGERI						
1.	Perbadanan Johor	34.25	13.14	16.01	(2.87)	(17.9)
2.	Yayasan Pelajaran Johor	16.00	16.00	16.00	0.00	0.0
JUMLAH		50.25	29.14	32.01	(2.87)	(9.0)
PIHAK BERKUASA TEMPATAN						
1.	Majlis Daerah Mersing	0.80	0.16	0.24	(0.08)	(33.3)
JUMLAH		0.80	0.16	0.24	(0.08)	(33.3)
SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN						
1.	PIJ Holdings Sdn. Bhd.	100.00	40.00	52.00	(12.00)	(23.1)
2.	Johor Land Bhd.	100.00	20.00	60.00	(40.00)	(66.7)
3.	YPJ Holdings Sdn. Bhd.	10.00	10.00	10.00	0.00	0.0
4.	Syarikat Air Johor Sdn. Bhd.	226.93	145.12	145.12	0.00	0.0
5.	Kumpulan Pendidikan YPJ Sdn. Bhd.	2.00	2.00	0.00	2.00	100
JUMLAH		438.93	217.12	267.12	(50.00)	(18.7)
JUMLAH PINJAMAN BOLEH DITUNTUT		489.98	246.42	299.37	(52.95)	(17.7)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

9.1.3. Pergerakan jumlah pinjaman boleh dituntut pada tahun 2021 adalah disebabkan oleh perkara seperti berikut:

- bayaran balik pinjaman oleh Perbadanan Johor berjumlah RM2.87 juta, Majlis Daerah Mersing berjumlah RM80,000, Johor Land Berhad berjumlah RM20 juta dan PIJ Holdings Sdn. Bhd. berjumlah RM12 juta. Selain itu, bayaran balik tunggakan pinjaman tahun 2020 juga telah dijelaskan oleh Johor Land Bhd. berjumlah RM20 juta; dan

b. pengeluaran pinjaman kepada Kumpulan Pendidikan YPJ Sdn. Bhd. bagi membiayai kos operasi berjumlah RM2 juta. Kelulusan pinjaman oleh Kerajaan negeri adalah pada bulan September 2020 tetapi pengeluaran dibuat pada bulan Mei 2021.

9.1.4. Tunggakan bayaran balik pinjaman boleh tuntut tidak bergerak dari tahun 2019 oleh Syarikat Air Johor Sdn. Bhd. berjumlah RM145.12 juta. Kedudukan pergerakan Pinjaman Boleh Dituntut pada tahun 2021 seperti dalam **Jadual 37**.

JADUAL 37
KEDUDUKAN PERGERAKAN PINJAMAN BOLEH TUNTUT PADA TAHUN 2021

BIL.	AGENSI/SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN	BAKI PINJAMAN 1.1.2021	PINJAMAN DIBERI TAHUN 2021	BAYARAN BALIK PINJAMAN	BAKI PINJAMAN 31.12.2021	TUNGGAKAN BAYARAN BALIK
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)
BADAN BERKANUN NEGERI						
1.	Perbadanan Johor	16.01	0.00	2.87	13.14	0.00
2.	Yayasan Pelajaran Johor	16.00	0.00	0.00	16.00	0.00
JUMLAH		32.01	0.00	2.87	29.14	0.00
PIHAK BERKUASA TEMPATAN						
1.	Majlis Daerah Mersing	0.24	0.00	0.08	0.16	0.00
JUMLAH		0.24	0.00	0.08	0.16	0.00
SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN						
1.	PIJ Holdings Sdn. Bhd.	52.00	0.00	12.00	40.00	0.00
2.	Johor Land Bhd.	60.00	0.00	40.00	20.00	0.00
3.	YPJ Holdings Sdn. Bhd.	10.00	0.00	0.00	10.00	0.00
4.	Syarikat Air Johor Sdn. Bhd.	145.12	0.00	0.00	145.12	145.12
5.	Kumpulan Pendidikan YPJ Sdn. Bhd.	0.00	2.00	0.00	2.00	0.00
JUMLAH		267.12	2.00	52.00	217.12	145.12
JUMLAH PINJAMAN BOLEH DITUNTUT		299.37	2.00	54.95	246.42	145.12

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi Tahun 2021 dan 2020 serta Rekod Jabatan Kewangan Negeri

9.1.5. Pada tahun 2021, tiada bayaran balik pinjaman dibuat kepada Kerajaan negeri oleh empat agensi/syarikat berkaitan Kerajaan iaitu Yayasan Pelajaran Johor, PIJ Holdings Sdn. Bhd., YPJ Holdings Sdn. Bhd. dan Kumpulan Pendidikan YPJ Sdn. Bhd. kerana masih dalam tempoh pertangguhan bayaran. Tempoh pertangguhan seperti yang dinyatakan dalam dokumen perjanjian adalah bagi tempoh antara satu hingga dua tahun bermula daripada tarikh kuat kuasa pinjaman seperti dalam **Jadual 38**.

JADUAL 38
AGENSI/SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN YANG TERLIBAT DENGAN
TEMPOH PERTANGGUHAN BAYARAN BALIK PINJAMAN

BIL.	AGENSI/SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN	JUMLAH PINJAMAN (RM Juta)	TARIKH PERJANJIAN	TEMPOH PERTANGGUHAN	TEMPOH BAYARAN BALIK
1.	Yayasan Pelajaran Johor	16.00	30.09.2020	2 tahun (01.10.2020 – 30.09.2022)	3 tahun (01.10.2022 – 30.09.2025)
2.	PIJ Holdings Sdn. Bhd.	40.00	30.09.2020	2 tahun (01.10.2020 – 30.09.2022)	5 tahun (01.10.2022 – 30.09.2027)
3.	YPJ Holdings Sdn. Bhd.	10.00	30.09.2020	1 tahun (01.10.2020 – 30.09.2021)	2 tahun (01.10.2021 – 30.09.2023)
4.	Kumpulan Pendidikan YPJ Sdn. Bhd.	2.00	30.09.2020	1 tahun (01.10.2020 – 30.09.2021)	1 tahun (01.10.2021 – 30.09.2022)
JUMLAH		68.00			

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi Tahun 2021 dan 2020 serta Rekod Jabatan Kewangan Negeri

9.2. Memorandum Aset - Pelaburan

9.2.1. Pelaburan Kerajaan negeri dalam syarikat persendirian melalui Perbadanan Setiausaha Kerajaan Johor ditunjukkan dalam Penyata Memorandum Pelaburan. Pelaburan ini dibuat sama ada menggunakan peruntukan mengurus atau pembangunan. Pada tahun 2021, pelaburan Kerajaan negeri adalah berjumlah RM22 juta yang terdiri daripada pelaburan saham di tiga agensi/syarikat seperti dalam **Jadual 39**.


JADUAL 39
KEDUDUKAN PELABURAN PADA AKHIR TAHUN 2017 HINGGA 2021

BIL.	AGENSI/SYARIKAT	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)
1.	Syarikat Permodalan Darul Ta'zim Sdn. Bhd.	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00
2.	Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn. Bhd.	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00
3.	Ranhill SAJ Sdn. Bhd.	20.00	20.00	20.00	20.00	20.00
JUMLAH		22.00	22.00	22.00	22.00	22.00

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 hingga 2021

9.2.2. Analisis Pelaburan Kerajaan negeri mengikut Penyata Akaun Memorandum mendapati pelaburan dalam Syarikat Permodalan Darul Ta'zim Sdn. Bhd., Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn. Bhd. dan Ranhill SAJ Sdn. Bhd. tidak menunjukkan sebarang perubahan bagi tempoh lima tahun.

9.2.3. Analisis pulangan dividen berbentuk tunai yang diterima oleh Kerajaan negeri bagi tahun 2017 hingga 2021 bagi pelaburan yang dibuat adalah berjumlah RM177.04 juta. Pulangan dividen dalam bentuk tunai diterima dari Ranhill SAJ Sdn. Bhd. berjumlah RM137.04 juta dan Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn. Bhd. berjumlah RM40 juta. Syarikat Permodalan Darul Ta'zim Sdn. Bhd. pula membuat pulangan secara *corporate social responsibility* (CSR) berjumlah RM7.02 juta. Bagaimanapun, Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn. Bhd. hanya membuat pulangan tunai bagi tahun 2017 dan 2018 manakala pulangan yang lain dibuat dalam bentuk CSR berjumlah RM20 juta. Pelaburan dan pulangan dividen dalam bentuk tunai yang diperoleh oleh Kerajaan negeri daripada Ranhill SAJ Sdn. Bhd. dan Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn. Bhd. bagi tahun 2017 hingga 2021 adalah seperti dalam **Carta 6**.



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Rekod Kewangan Bagi Tahun 2017 hingga 2021

9.3. Memorandum Liabiliti - Hutang Awam

9.3.1. Kerajaan negeri dari semasa ke semasa menerima pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bertujuan untuk membiayai projek pembangunan negeri. Pada tahun 2021, baki Hutang Awam Kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan menurun sebanyak RM5.65 juta (2.6%) menjadi RM211.56 juta berbanding RM217.21 juta pada tahun 2020.

9.3.2. Penurunan ini disebabkan oleh bayaran balik kepada Kerajaan Persekutuan bagi pinjaman Perbadanan Johor iaitu pinjaman Skim Amanah Saham Johor dan Dana Johor berjumlah RM1.26 juta dan pinjaman Projek Kawasan Perindustrian Kulai berjumlah RM1.19 juta. Selain itu, bayaran balik juga telah dibuat bagi pinjaman Projek Kerja Baik Pulih Istana Negeri Johor berjumlah RM3.20 juta. Baki Hutang Awam pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 40**.

JADUAL 40
BAKI HUTANG AWAM PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN PINJAMAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Projek Bekalan Air	145.12	145.12	0.00	0.0
2.	Perbadanan Johor	12.04	14.49	(2.45)	(16.9)
3.	Pinjaman Lain	54.40	57.60	(3.20)	(5.6)
JUMLAH		211.56	217.21	(5.65)	(2.6)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

9.3.3. Pada tahun 2021, baki tunggakan bayaran balik Hutang Awam bagi Projek Bekalan Air tidak bergerak dari tahun 2019 berjumlah RM145.12 juta. Pegawai Kewangan Negeri Johor ada membuat permohonan kepada Kementerian Kewangan pada bulan April, Jun dan Ogos 2021 supaya baki pinjaman Projek Bekalan Air (Bandar) ditukar status sebagai geran daripada Kerajaan Persekutuan. Maklum balas Kerajaan Persekutuan pada bulan Ogos 2021 dan Mac 2022 menyatakan pembiayaan projek bekalan air negeri yang tidak memenuhi kriteria projek luar bandar adalah kekal secara pinjaman dan Kerajaan negeri disarankan untuk melaksanakan novasi pinjaman bekalan air kepada Pengurusan Aset Air Berhad.

10. NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Nota Kepada Penyata Kewangan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor. Ia memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai amaun yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum serta maklumat tambahan lain seperti peristiwa yang berlaku selepas tarikh Penyata Kedudukan Kewangan dan angka perbandingan.

10.1. Akaun Belum Terima

10.1.1. Peraturan mengenai tunggakan hasil dinyatakan dalam Arahan Perbendaharaan 89 (a) yang menghendaki setiap Pegawai Pengawal menghantar penyata mengenai apa-apa hasil yang sepatutnya diterima pada 31 Disember kepada Perbendaharaan Negeri dengan sesalinannya ke Jabatan Audit Negara. Garis panduan bagi menyenggara dan melaporkan Akaun Belum Terima dijelaskan oleh Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP 10.6. Pegawai Pengawal dikehendaki menyediakan Laporan Akaun Belum Terima pada 30 Jun dan 31 Disember pada setiap tahun dan menghantar kepada Bendahari Negeri serta sesalinan perlu dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara selewat-lewatnya pada 31 Ogos dan 31 Januari tahun berikutnya.

10.1.2. Pada akhir tahun 2021, tunggakan hasil berjumlah RM489.64 juta meningkat sebanyak RM126.64 juta (34.9%) berbanding RM363 juta pada tahun 2020. Kedudukan tunggakan hasil tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 41**.

JADUAL 41
KEDUDUKAN TUNGGAKAN HASIL TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Cukai Tanah	318.55	172.45	146.10	84.7
2.	Hasil Penswastaan	136.91	135.67	1.24	0.9
3.	Hasil-hasil Lain	28.19	26.61	1.58	5.9
4.	Cukai Wayang dan Sumbangan Dividen	2.92	17.87	(14.95)	(83.7)
5.	Cukai Air Mentah	3.07	10.40	(7.33)	(70.5)
JUMLAH		489.64	363.00	126.64	34.9

Sumber: Penyata Tunggakan Hasil Negeri Tahun 2021 dan 2020

10.1.3. Analisis Audit mendapati sebahagian besar daripada tunggakan melibatkan hasil Cukai Tanah dan Hasil Penswastaan yang berjumlah RM455.46 juta (93%) daripada keseluruhan jumlah tunggakan hasil tahun 2021. Semakan Audit selanjutnya mendapati perkara seperti berikut:


- Pada tahun 2021, tunggakan hasil Cukai Tanah meningkat sebanyak RM146.10 juta (84.7%) menjadi RM318.55 juta berbanding RM172.45 juta pada tahun 2020. Sebanyak 12 pejabat tanah daerah mencatatkan peningkatan tunggakan Cukai Tanah manakala satu pejabat tanah mencatatkan penurunan iaitu Pejabat Tanah Daerah Mersing. Tunggakan hasil Cukai Tanah tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 42** dan **Carta 7**. Sehingga bulan April 2022, tunggakan yang telah berjaya dikutip adalah berjumlah RM18.40 juta.

JADUAL 42
TUNGGAKAN HASIL CUKAI TANAH TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	PEJABAT TANAH DAERAH	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
		(RM Juta)	(%)		
1.	Johor Bahru	206.48	91.08	115.40	126.7
2.	Kulai/Kulaijaya	31.59	20.64	10.95	53.1
3.	Pontian	21.60	16.59	5.01	30.2
4.	Kluang	16.12	10.95	5.17	47.2
5.	Kota Tinggi	10.69	7.32	3.37	46.0
6.	Batu Pahat	9.25	8.53	0.72	8.4
7.	Tangkak/Ledang	6.48	5.12	1.36	26.6
8.	Muar	5.09	4.53	0.56	12.4
9.	Pengerang	4.73	2.01	2.72	135.3
10.	Segamat	4.10	3.50	0.60	17.1
11.	Mersing	1.21	1.30	(0.09)	(6.9)
12.	Labis	0.91	0.66	0.25	37.9
13.	Rengit	0.30	0.22	0.08	36.4
JUMLAH		318.55	172.45	146.10	84.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

CARTA 7
PERBANDINGAN TUNGGAKAN CUKAI
TANAH ANTARA TAHUN 2021 DENGAN 2020



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

- b. Peningkatan tunggakan hasil antaranya disebabkan penularan pandemik Covid-19 yang menjelaskan pendapatan individu dan syarikat. Terdapat beberapa syarikat mengalami kebankrutan dan kerugian dalam tempoh tersebut menyebabkan syarikat yang terjejas tidak dapat menjelaskan cukai tanah. Selain itu, pemilik tanah yang bermastautin di luar negara tidak dapat menjelaskan cukai tanah akibat daripada penutupan sempadan dan sistem pembayaran cukai tanah atas talian dalam penyenggaraan/menaiktaraf sehingga bulan Oktober 2021.

- c. Pejabat Tanah Daerah Johor Bahru mempunyai tunggakan hasil Cukai Tanah tertinggi untuk tahun 2021 iaitu berjumlah RM206.48 juta yang mewakili 64.8% daripada keseluruhan tunggakan Cukai Tanah. Terdapat peningkatan bilangan hak milik baharu yang didaftarkan pada tahun 2020 melibatkan 7,758 hak milik berjumlah RM79.54 juta. Selain itu, terdapat kesilapan dengan mengambil kira dua hak milik yang telah diberikan pengecualian bayaran tunggakan cukai tanah berjumlah RM79.29 juta yang diambil kira sebagai tunggakan.
- d. Sebanyak 12 pejabat tanah daerah telah menunjukkan peningkatan dalam tunggakan cukai. Peningkatan tunggakan berlaku disebabkan bilangan hak milik berdaftar dan berlaku perubahan syarat kegunaan tanah. Selain itu, selari dengan pindaan dan peningkatan cukai tanah pada tahun 2020 menyebabkan pemilik menangguhkan pembayaran dan memohon pengurangan cukai. Masalah seperti pertindihan maklumat dan data ralat pada Sistem Hasil Tanah Johor yang masih belum diselesaikan juga menyebabkan data tunggakan cukai tinggi.
- e. Tunggakan Hasil Penswastaan mencatatkan tunggakan hasil kedua tertinggi. Terdapat peningkatan berjumlah RM1.24 juta (0.9%) daripada RM135.67 juta pada tahun 2020 kepada RM136.91 juta pada tahun 2021. Tunggakan hasil ini adalah disebabkan kegagalan sembilan pemaju bagi menjelaskan bayaran mengikut jadual yang ditetapkan. Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor telah membuat tindakan seperti mengeluarkan notis penamatan perjanjian penswastaan, notis tuntutan dan perbincangan bersama pemaju bagi mengutip tunggakan.
- f. Hasil-hasil Lain merupakan sewaan kantin, kuarters, rumah, tanah lot dan sewa beli rumah. Hasil-hasil lain juga mencatatkan tunggakan hasil yang tinggi berjumlah RM28.19 juta (5.8%) daripada keseluruhan tunggakan berjumlah RM489.64 juta. Terdapat peningkatan berjumlah RM1.58 juta berbanding RM26.61 juta pada tahun 2020 kepada RM28.19 juta pada tahun 2021. Peningkatan berlaku disebabkan terdapat data akaun sewaan melibatkan 2,417 unit projek perumahan rakyat yang memperoleh pengecualian sewa masih belum dikemas kini dan dijurnalkan. Selain itu, penutupan kaunter bayaran akibat Covid-19 telah menyebabkan penyewa menghadapi kesulitan untuk melakukan pembayaran. Sehingga bulan April 2022, tunggakan yang telah berjaya dikutip adalah berjumlah RM2.32 juta.

11. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, prestasi kewangan Kerajaan Negeri Johor pada 31 Disember 2021 adalah stabil seperti berikut:

- 11.1. kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2021 berjumlah RM2.245 bilion, menurun berjumlah RM434.45 juta (16.2%) berbanding RM2.679 bilion pada tahun 2020;
- 11.2. Pelaburan Kerajaan negeri dalam simpanan tetap menurun berjumlah RM170 juta (10.1%) daripada RM1.684 bilion pada 2020 kepada RM1.514 bilion pada tahun 2021;
- 11.3. hasil yang dikutip oleh Kerajaan negeri pada tahun 2021 berjumlah RM1.428 bilion telah menurun sebanyak RM246.15 juta (14.7%) berbanding RM1.674 bilion pada tahun 2020;
- 11.4. prestasi perbelanjaan mengurus pada tahun 2021 berjumlah RM1.618 bilion iaitu 85.5% daripada peruntukan yang telah diluluskan berjumlah RM1.892 bilion. Perbelanjaan mengurus berjumlah RM1.618 bilion menurun sebanyak RM45.47 juta (2.7%) berbanding RM1.664 bilion pada tahun 2020;
- 11.5. Hutang Awam pada tahun 2021 berjumlah RM211.56 juta, menurun sebanyak RM5.65 juta (2.6%) berbanding RM217.21 juta pada tahun 2020; dan
- 11.6. Akaun Belum Terima pada tahun 2021 berjumlah RM489.64 juta, meningkat sebanyak RM126.64 juta (34.9%) berbanding RM363 juta pada tahun 2020.

12. SYOR AUDIT

Kerajaan negeri perlu meningkatkan usaha untuk mengukuhkan lagi prestasi kewangan di samping mencari sumber kewangan baharu atau mengurangkan tunggakan hasil untuk menampung jumlah keseluruhan perbelanjaan. Sehubungan itu, Kerajaan negeri disyorkan untuk mempertimbangkan perkara seperti berikut:

- 12.1. memastikan piawaian perakaunan dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa dipatuhi supaya pengurusan kewangan Kerajaan negeri dan agensi negeri ditadbir dengan cekap, amanah dan telus;

- 12.2. memastikan perbelanjaan mengikut peruntukan yang diluluskan dan peraturan kewangan semasa bagi mengurangkan pembayaran di bawah AP 58 (a);
- 12.3. projek pembangunan hendaklah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi meningkatkan kemakmuran negeri dan kesejahteraan rakyat; dan
- 12.4. memastikan tindakan proaktif diambil terhadap pemilik-pemilik yang mempunyai tunggakan hasil untuk mengurangkan jumlah tunggakan.